

PELAKSANAAN PEPERIKSAAN-PEPERIKSAAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN PENYERAHAN PEK PEMBELAJARAN SEKOLAH ARAB DAN UGAMA

Berakas, Hari Khamis, 14 Rabi'ulawal 1443H bersamaan 21 Oktober 2021M –

1. Sukacita Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan peperiksaan-peperiksaan di bawah kawalan kementerian ini.
2. Dengan bertawakkal kepada Allah *Subhanahu WaTa'ala* dan mengambil kira keadaan wabak COVID-19 pada masa ini serta nasihat Kementerian Kesihatan, maka pihak Kementerian telah membuat ketetapan bagi pelaksanaan peperiksaan Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab (PCKSA) ini dilaksanakan dengan kaedah alternatif iaitu dengan menggunakan Markah Penilaian Sekolah yang akan mengambil kira perolehan markah pelajar dalam Penilaian Kendalian Sekolah sama ada peperiksaan setengah tahun, ujian topikal dan penilaian hasil kerja pelajar di sepanjang tahun 2021. Semoga dengan adanya kaedah alternatif ini, proses kemasukan ke sekolah-sekolah Arab dapat diteruskan sesuai dengan perancangan yang telah diaturkan dan pelajar-pelajar berkenaan bagi persekolahan tahun 2022 nanti.
3. Mengenai peperiksaan awam di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu peperiksaan-peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB), pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat penelitian mengenai pelaksanaan peperiksaan-peperiksaan tersebut dan menetapkan untuk dilaksanakan nanti bermula pada bulan Januari 2022. *Standard Operation Procedure* (SOP) bagi pengendalian peperiksaan-peperiksaan tersebut akan disediakan dan disejajarkan dengan nasihat kesihatan yang berkuatkuasa pada ketika itu. Namun perkara ini adalah tertakluk kepada keadaan dan perkembangan pengawalan jangkitan COVID-19 di negara kita pada waktu berkenaan dan pembukaan sekolah di bawah Jawatankuasa Pandu COVID-19 dan juga ketetapan dan nasihat Kementerian Kesihatan.
4. Seterusnya dikongsikan mengenai pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian yang telah bermula hari Rabu, 18 Ogos 2021 iaitu semasa pembukaan sesi Penggal Persekolahan ke-3. Syukur alhamdulillah berkat sokongan padu dari pihak sekolah, pelajar, ibubapa dan penjaga, proses Pembelajaran dalam Talian ini dapat berjalan dengan baik dengan purata kehadiran mingguan pelajar keseluruhannya sebanyak 97%. Pelaksanaan pendekatan baharu ini disamping memerlukan beberapa

perubahan dari segi jadual pembelajaran, pengaturan jadual guru dan kesediaan dari segi peralatan pembelajaran juga mempunyai beberapa cabaran.

5. Mengambil kira masih terdapat segelintir pelajar yang menghadapi cabaran untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian, maka Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat inisiatif bagi pelaksanaan Penyerahan Pek Pembelajaran Di Rumah (*Home Learning Pack – HLP*) secara pandu lalu. Inisiatif ini akan melibatkan 1.72% pelajar-pelajar sekolah-sekolah Arab dan Ugama iaitu seramai 732 pelajar daripada 42,600 pelajar.

6. Penyerahan HLP ini akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat mengikut jadual yang diatitkan oleh pihak sekolah. Pelaksanaannya akan mengikut BCP dan SOP yang diatitkan oleh pihak sekolah dan juga berpandukan kepada peraturan-peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KHEU/BPA/PR310/Okttober2021

Tarikh: 14 Rabi'ulawal 1443H bersamaan 21 Oktober 2021M